



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# PROGRAM MADANI RAKYAT **2025** PERAK

YANG AMAT BERHORMAT

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
PERDANA MENTERI



# JELAJAH KARNIVAL **KPDN** **20** **25** ZON SELATAN



# KANDUNGAN

MEI – JUN 2025



- 6 PELAKSANAAN PENYEDIAAN PETROL RON97 DI PETRONAS KIMANIS, SABAH**
- 7 MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KPDN & AGENSI 2025**
- 8 KOLABORASI KPDN BERSAMA MGA DI BAWAH INISIATIF JUALAN BERTEMA BERDASARKAN SEGMENT KHUSUS (INDUSTRI EMAS) KBBM**
- 9 PROGRAM MADANI RAKYAT ZON SABAH 2025**
- 10 SEMINAR AKSES PASARAN RUNCIT DAN MAJLIS PENGHARGAAN USAHAWAN**
- 11 MAJLIS CITRA TRADISI BERSAMA MEDIA**
- 12 KBBM 2025 "MALAYSIAN PRODUCT JAPANESE TASTE"**
- 13 KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA DELEGASI US-ASEAN BUSINESS COUNCIL**
- 14 MAJLIS MERAIKAN DUYUFUR RAHMAN KPDN TAHUN 2025**
- 15 SHMMP 2025 DIPERLUAS, LEBIH BANYAK BARANGAN KEPERLUAN SEMPENA PESTA KAAMATAN DAN HARI GAWAI**



# KANDUNGAN

MEI – JUN 2025



**20** INISIATIF ReDI DI EKSPO DUNIA  
2025 OSAKA, JEPUN

**21** PENETAPAN TINDAKAN UNDANG-  
UNDANG PENYALAHGUNAAN  
*FLEET CARD DAN CASH CARD 2.0*

**24** SESI LIBAT URUS YB MENTERI PDN  
BERSAMA PERSATUAN-PERSATUAN  
RESTORAN



**26** PROGRAM MADANI RAKYAT 2025  
PERAK

**28** PROGRAM PENGUATKUASAAN  
DAN ADVOKASI KEPENGGUNAAN  
YB TIMBALAN MENTERI PDN  
BERSAMA KPDN NEGERI JOHOR

**30** JELAJAH KARNIVAL KPDN 2025  
**ZON SELATAN & KEMPEN BELI  
BARANGAN MALAYSIA (KBBM)**

**32** INISIATIF REDI PERLUAS AKSES  
**CASHLESS SOCIETY KE KOMUNITI  
LUAR BANDAR**

**34** KAMI BERTINDAK!

**36** SOROTAN LENSA KPDN



# DIRGAHAYU TUANKU

Merafak Sembah Ucapan Setinggi-Tinggi Tahniah



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG  
SULTAN IBRAHIM**

sempena

**Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku  
pada**

**2 Jun 2025 Bersamaan 5 Zulhijjah 1446H**

sembah takzim daripada:

**Pengurusan Tertinggi  
& Seluruh Warga Kerja KPDN**





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

1

MEI 2025

# Selamat Menyambut **HARI PEKERJA**

PEKERJA KESUMA BANGSA



*Ikhlas Daripada*

Pengurusan Tertinggi &  
Seluruh Warga Kerja KPDN

## PELAKSANAAN PENYEDIAAN PETROL RON97 DI PETRONAS KIMANIS, SABAH



YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak meluangkan masa turun padang bagi membuat tinjauan sempena pelaksanaan penyediaan petrol RON97 di Stesen Petronas Kimanis, Sabah pada 3 Mei 2025.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) mengambil langkah proaktif bagi menangani isu ketirisan bekalan petrol RON97 di kawasan Pantai Barat Selatan Sabah yang memberi kesan kepada pelawat khususnya dari Brunei.

Inisiatif ini bukan sahaja menyokong keperluan pelawat dari Brunei yang melalui laluan darat ke Kota Kinabalu, malah membolehkan penilaian terhadap keberkesanan operasi, kestabilan bekalan serta corak permintaan pelanggan.

Sebagai tambahan, KPDN turut melaksanakan mekanisme Rekod Log Pemantauan ke atas 538 stesen minyak di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bermula 1 Januari 2025 sebagai usaha berterusan memantau dan memperkuuh aspek penguatkuasaan serta pengurusan bekalan bahan api bersubsidi dan tidak bersubsidi.



## MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KPDN & AGENSI TAHUN 2024

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah berlangsung pada 6 Mei 2025 bertempat di Dewan De' Seri Endon, Puspanitapuri, Putrajaya dan telah disempurnakan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Majlis ini bertujuan menghargai para pegawai yang telah menunjukkan prestasi tinggi, bukan sahaja dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah tugas rasmi tetapi juga melalui penglibatan secara aktif dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan.

Pengiktirafan terhadap sumbangan dan pencapaian warga perkhidmatan awam merupakan satu usaha penting dalam memperkuuh budaya kerja cemerlang dalam sesebuah organisasi.

Seramai 459 penerima terdiri daripada 271 penerima oleh pegawai KPDN, 66 Penerima daripada SSM, 34 penerima daripada MyIPO, 5 penerima daripada MyCC serta seramai 68 penerima Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Turut disampaikan kepada 22 orang penerima daripada lantikan Personel MySTEP.



## KOLABORASI KPDN BERSAMA MGA DI BAWAH INISIATIF JUALAN BERTEMA BERDASARKAN SEGMENT KUSUS (INDUSTRI EMAS) KBBM

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menjalankan kerjasama strategik bersama Malaysia Gold Association (MGA) bagi segmen khusus (Industri Emas) di bawah Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) dengan tema 'A Tradition of Craftmanship, A Future of Excellence' pada 9 Mei 2025 bertempat di Setia SPICE Convention Centre, Pulau Pinang.

Peluncuran ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Rohaizi bin Bahari, Pengarah Kanan, Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan, KPDN pada penganjuran Malaysia Gold & Jewellery Trade Exhibition yang telah berlangsung selama 3 hari bermula 9-11 Mei 2025.

KPDN bertanggungjawab dalam mengawal selia harga dan pembekalan barang melalui pelbagai instrumen perundangan, termasuk Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Cap Dagangan 2019, Akta Timbang dan Sukat 1972, dan undang-undang lain yang berkaitan.

Pelaksanaan dan tinjauan aktiviti pemantauan yang kerap untuk memastikan semua produk emas dilabelkan dengan tepat dan ditimbang dengan betul. Pemain industri perlu mematuhi pengesahan karat, tanda harga yang jelas dan paparan ukuran yang betul.





## PROGRAM MADANI RAKYAT ZON SABAH 2025

Program MADANI Rakyat (PMR) tahun 2025 membuka tirai dengan penganjurannya di Dataran Majlis Perbandaran Tawau, Sabah selama tiga hari bermula 9 – 11 Mei 2025 dengan menawarkan lebih 200 perkhidmatan secara langsung kepada para pengunjung.

Reruai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menampilkan pelbagai slot menarik buat para pengunjung yang hadir seperti advokasi ketulenan emas dan pelbagai kuiz interaktif turut dilaksanakan.

KPDN turut menganjurkan Program Jualan RAHMAH MADANI yang menawarkan barang keperluan harian dengan pengurangan 10% hingga 30% daripada harga pasaran bagi membantu meringankan kos sara hidup rakyat setempat.

Majlis Perasmian Penutup Program MADANI Rakyat Zon Sabah telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri. Beliau turut meluangkan masa mengadakan sesi walkabout ke reruai KPDN diiringi oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

YB Menteri PDN turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan KAHOOT MEGA serta berkesempatan melakukan sesi walkabout ke Program Jualan RAHMAH MADANI.



*Ucapan Perasmian oleh*  
**YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI**  
**MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI**  
**DAN KOS SARA HIDUP**

**SEMINAR AKSES PASARAN RUNCIT DAN MAJLIS  
PENGHARGAAN USAHAWAN**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menganjurkan Seminar Akses Pasaran Runcit dan Majlis Penghargaan Usahawan pada 15 Mei 2025 bertempat di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya, Selangor. Perasmian disempurnakan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.



Majlis ini bertujuan untuk menghargai kejayaan yang dicapai oleh para usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang berjaya menembusi pasaran peruncitan dan juga sebagai tanda penghargaan kepada pihak industri yang terlibat.

YB Menteri turut meluangkan masa dengan mengadakan sesi walkabout ke reruai yang terdiri daripada pemain industri peruncitan terpilih.



## MAJLIS CITRA TRADISI BERSAMA MEDIA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menganjurkan Majlis Citra Tradisi pada 16 Mei 2025 bertempat di Langkah Syabas Beach Resort, Papar, Sabah. Penganjuran majlis ini dilihat sebagai ruang bermakna untuk merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan pengamal media atas dedikasi dan komitmen dalam melaporkan, menjelaskan serta memaknakan setiap dasar dan inisiatif kerajaan khususnya berkaitan inisiatif yang telah digagaskan oleh KPDN.

Majlis ini bukan sekadar meraikan, malah menjadi platform memperkuuh hubungan strategik antara KPDN bersama pengamal media ke arah komunikasi yang lebih efektif berteraskan nilai mesra rakyat.

YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup bersama-sama YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuth Bakar, Ketua Setiausaha KPDN turut meluangkan masa menyantuni para pengamal media yang hadir ke majlis ini.





Majlis Pelancaran “Malaysian Product Japanese Taste” hasil kerjasama strategik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersama Don Don Donki Malaysia di bawah inisiatif Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) Tahun 2025 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Rohaizi bin Bahari, Pengarah Kanan Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan, KPDN pada 19 Mei 2025 bertempat di Midvalley Megamall, Kuala Lumpur.

Melalui program Local 2 Global Retail, inisiatif ini mengetengahkan produk tempatan yang berkualiti dan inovatif dengan pendekatan persembahan yang diinspirasikan oleh cita rasa Jepun. Program ini bukan sahaja memperkenalkan keunikan produk Malaysia kepada para pelanggan yang meminati elemen Jepun, tetapi turut berperanan meningkatkan kesedaran tentang mutu, daya cipta dan ketercapaian produk Malaysia di pasaran antarabangsa.



Sepanjang pelaksanaan program, Don Don Donki Malaysia akan melaksanakan pelbagai aktiviti promosi hujung minggu di semua cawangan terlibat. Aktiviti ini merangkumi sesi merasa makanan secara langsung (*live food sampling*), tawaran diskon khas untuk produk terpilih, serta penempatan rak eksklusif bagi memaparkan produk tempatan yang berlogo halal.

Inisiatif ini bukan sahaja memberi kemudahan kepada pengguna tempatan dan pelancong dalam membuat keputusan pembelian yang lebih yakin dan berinformasi, malah turut menyokong usaha kerajaan dalam memperluaskan kesedaran terhadap kewujudan produk tempatan berkualiti tinggi.



Delegasi US-ASEAN Business Council yang diketuai oleh Ambassador Brian D. McFeeters, Naib Presiden Kanan dan Pengarah Urusan Wilayah telah membuat kunjungan hormat ke atas YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup pada 21 Mei 2025 bertempat di KPDN Putrajaya. Pertemuan dua hala ini bertujuan memperkuat kerjasama Malaysia dan Amerika Syarikat dalam bidang perdagangan dan pelaburan serta potensi perluasan pelaburan di Malaysia.

US-ASEAN Business Council memainkan peranan penting dalam memacu hubungan perdagangan antara Amerika Syarikat dan rantau Asia Tenggara.

Kunjungan hormat ini memperlihatkan komitmen US-ABC untuk meneroka sinergi baharu dengan Malaysia dalam era baharu digitalisasi global. Peluang kerjasama dalam sektor teknologi dan ekonomi hijau turut dibincangkan bagi memperluaskan pasaran serta meningkatkan daya saing kedua-dua pihak.





## MAJLIS MERAIKAN DUYUFUR RAHMAN (TETAMU ALLAH)

KPDN TAHUN 2025

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menganjurkan majlis meraikan sembilan (9) orang pegawai KPDN yang akan menunaikan haji pada tahun 2025M/ 1446H. Majlis meraikan Duyufur Rahman KPDN Tahun 2025 ini merupakan anjuran Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan (BKKP), Badan Kebajikan dan Sukan serta Surau At-Tijarah dan telah dianjurkan pada 21 Mei 2025 bertempat di Surau At-Tijarah, KPDN Putrajaya.

YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup meluangkan masa dengan menghadiri majlis serta turut menyampaikan sumbangan kepada para bakal jemaah haji.

Antara pengisian majlis ialah tazkirah "Lambaian Kaabah" yang telah disampaikan oleh Imam Muda Hafiz selaku penceramah jemputan. Solat sunat hajat dan bacaan doa selamat turut dilaksanakan usai solat zohor bersama-sama warga kerja KPDN yang hadir.



## SHMMP 2025 DIPERLUAS, LEBIH BANYAK BARANGAN KEPERLUAN SEMPENA PESTA KAAMATAN DAN HARI GAWAI

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menguatkuaskan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena sambutan Pesta Kaamatan dan Hari Gawai 2025. SHMMP bagi Sambutan Pesta Kaamatan berkuatkuasa 27 Mei 2025 sehingga 2 Jun 2025 dan SHMMP Sambutan Hari Gawai berkuatkuasa 29 Mei 2025 sehingga 4 jun 2025 bagi Tempoh pelaksanaan skim tersebut ialah selama tujuh (7) hari iaitu pada hari kemuncak dan tiga (3) hari sebelum dan selepas kemuncak perayaan.



Skim ini diperluaskan berbanding tahun lalu dengan pertambahan dua (2) barang bagi Pesta Kaamatan dan tiga (3) barang untuk Hari Gawai.

Pelaksanaan SHMMP bertujuan memastikan pengguna menikmati harga yang berpatutan sambil mengurangkan tekanan kepada komuniti peniaga sepanjang musim perayaan.

Keputusan menguatkuaskan SHMMP ini telah diumumkan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup semasa beliau hadir ke Program Sentuhan Kasih, Jualan RAHMAH MADANI dan Advokasi Kepenggunaan di Kampung Kobuni, Inanam, Sabah pada 23 Mei 2025 yang lalu.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

*Selamat Menyambut*

# Pesta Kaamatan

*"Kotobian Tadau Tagazo Do Kaamatan"*

30 Mei 2025

*Ikhlas Daripada*  
Pengurusan Tertinggi &  
Semua Warga Kerja KPDN

NEGERI SEMERUAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SAGA HIDUP

# SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN

## *Pesta Kaamatan*

KUAT KUASA: 27 MEI HINGGA 2 JUN 2025

**Kepak Ayam****Bawang Merah  
Besar Import****Babi Hidup**  
Peringkat Ladang**Daging Kerbau  
Import (India)**  
kecuali bahagian batang pinang:**Bawang Putih  
(China)****Daging Babi**  
Daging dan Lemak**Cili Kering  
Keriting****Bawang Kuning  
Besar Import****Daging Babi**  
Perut**Bawang Merah  
Kecil India**

KEWAJIPAN PENIAGA di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 [Akta 723]

- Meletakkan tanda harga merah jambu
- Tidak menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan
- Memastikan bekalan barang mencukupi di pasaran
- Menggunakan alat timbang dan sukat yang telah ditentusahkan

Jika ada aduan,  
sila laporkan ke KPDNImbas senarai penuh SHMMP  
Pesta Kaamatan 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



SELAMAT MENYAMBUT

# Hari Gawai

"GAYU GURU GERAI NYAMAI"

Ikhlas Daripada  
Pengurusan Tertinggi &  
Seluruh Warga Kerja KPDN

~ 1 JUN 2025 ~

KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN AMBANGAN  
DAN MUSIM PERAYAAN

# SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN

## Hari Gawai

KUAT KUASA: 29 MEI HINGGA 4 JUN 2025



Ayam Tua Hidup



Kepak Ayam

**Babi Hidup**  
(Peringkat Ladang)

Kubis Bulat Import

Indonesia &amp; China tidak termasuk kabis Beijing.

Cili Kering  
Keriting**Daging Babi**  
(Daging dan Lemak)

Kelapa Parut



Santan

**Daging Babi**  
(Perut)Bawang Putih  
(China)

Kelapa Biji



### KEWAJIPAN PENIAGA di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 [Akta 723]

- Meletakkan tanda harga merah jambu
- Tidak menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan
- Memastikan bekalan barang mencukupi di pasaran
- Menggunakan alat timbang dan sukat yang telah ditentusahkan

Jika ada aduan,  
sila laporan ke KPDNImbas senarai penuh SHMMP  
Hari Gawai 2025



## INISIATIF PENDIGITALAN SEKTOR PERUNCITAN (ReDI) DI EKSPO DUNIA 2025 OSAKA, JEPUN

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) telah diberi peluang menganjurkan dua (2) sesi Fireside Chat bersama PayNet dan TNG Digital sempena Ekspo 2025 Osaka pada 29 Mei 2025 bertempat di Pavilion Malaysia, Ekspo Dunia 2025, Osaka, Jepun.

Sesi ini mengetengahkan peranan teknologi e-Pembayaran dalam memperkasakan peniaga dan pengguna melalui bayaran secara e-wallet. Sesi pertama dengan topik *PayNet Empowering Merchants through e-Payment Solutions* telah disampaikan oleh Pn Imelda Shubari wakil daripada Paynet. Manakala sesi kedua bertajuk *From Local to Global : How TnG e-Wallet Empowers Malaysians and Tourists with Seamless Cross Border Transactions* telah disampaikan oleh YBrs. Encik Muhamad Hanif As'ari, Pengarah Sekretariat Perdagangan dan Industri Perkhidmatan (SPIP) KPDN bersama Encik Herman Sarbini wakil daripada TNG Digital.

ReDI adalah antara usaha KPDN mendekatkan peniaga luar bandar kepada ekosistem perniagaan digital, termasuk penggunaan e-wallet untuk transaksi yang lebih cekap dan meluas.





Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Bahagian Kawal Selia Petroleum, Sektor Barang Kawalan dan Bersubsidi telah menganjurkan Bengkel Penetapan Undang-Undang dan Penguatkuasaan bagi Penyalahgunaan Fleet Card dan Cash Card di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0) bersama pegawai kanan Bahagian Undang-undang, Bahagian Penguat Kuasa KPDN serta wakil daripada industri Syarikat Minyak di Malaysia pada 30 Mei 2025 bertempat di Hotel Pullman, Kuala Lumpur.

Penganjuran bengkel adalah bertujuan bagi penetapan punca kuasa baharu yang akan dikuatkuasakan oleh KPDN bagi mengawal penyalahgunaan fleet card dan cash card daripada berlakunya ketirisan subsidi diesel dan petrol.

Dapatan perbincangan dan kesimpulan sepanjang bengkel yang telah berlangsung selama tiga (3) hari bermula 28 - 30 Mei 2025 telah dibentang di hadapan YBhg. Datuk Roziah Abudin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri).





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

عيد الأضحى

SELAMAT MENYAMBUT

*Hari Raya*  
**AIDILADHA**

7 Jun 2025 | 10 Zulhijjah 1446H

*Ikhlas Daripada*

Pengurusan Tertinggi &  
Seluruh Warga Kerja KPDN



INISIATIF KPDN  
KEBERSAMAANKEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUPTIP BELI  
ONLINE:

# SEMAK KOS SAMPINGAN & CAJ PENGHANTARAN

**COD** KOS PENGHANTARAN TUNAI  
(CASH ON DELIVERY)**DOMESTIK** KOS PENGHANTARAN MELALUI KURIER  
(DALAM NEGARA)**ANTARABANGSA** KOS PENGHANTARAN MELALUI KAPAL  
(DARI LUAR NEGARA)

Setiap jenis kos penghantaran melibatkan caj tambahan yang berlainan. Pastikan anda semak terlebih dahulu kos penghantaran dan harga akhir sesuatu barang sebelum membuat keputusan pembelian.



KP DN

www.kpdn.gov.my

## SESI LIBAT URUS YBM PDN BERSAMA PERSATUAN-PERSATUAN RESTORAN

YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup telah bersama-sama dalam satu sesi libat urus bersama sepuluh (10) wakil persatuan pengusaha-pengusaha restoran pada 10 Jun 2025 bertempat di Bilik Bunga Raya, KPDN Putrajaya.

Fokus pertemuan ini adalah untuk membincangkan berkaitan sekatan had penggunaan LPG Bersubsidi dalam perdagangan dan perniagaan termasuk mengambil kira keperluan LPG bersubsidi bagi peniaga jualan makanan dan minuman berskala mikro dan kecil.

Pelbagai syor dan pandangan telah dikemukakan oleh wakil persatuan pengusaha restoran dan memorandum cadangan boleh dikemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal Semakan Pindaan yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Seri KSU KPDN.

Sebagaimana kelulusan Kabinet pada 5 Jun 2025 terhadap syor KPDN, Kerajaan telah bersetuju untuk meminda peruntukan PPKB yang diwartakan pada tahun 2021 tersebut, namun perlu ditetapkan perincian terhadap beberapa perkara agar adanya kejelasan undang-undang (*clarity of law*).

Antara perkara yang perlu dipertimbangkan adalah parameter pindaan berkaitan pendefinisan peringkat perniagaan jualan makanan dan minuman terlibat.

Selain itu, focus yang perlu diberi perhatian termasuklah pertimbangan status pemilikan perniagaan, jumlah keperluan, mekanisme kawalan dan pelaporan, keberkesanan pemantauan dan penguatkuasaan, serta strategi mengekang ketirisan secara menyeluruh.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# HARGA MAKSIMUM RUNCIT GAS PETROLEUM CECAIR (LPG)

(BARANG KAWALAN BERJADUAL)



Harga Kawalan di Atas Adalah  
**TIDAK TERMASUK KOS PENGENDALIAN & CAJ PENGHANTARAN**

**PENIAGA YANG GAGAL PATUHI HARGA KAWALAN DAN MENGENAKAN CAJ PERKHIDMATAN  
YANG TIDAK MUNASABAH BOLEH DISIASAT DAN DIKENAKAN TINDAKAN TEGAS DI BAWAH  
AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011**



Program MADANI Rakyat (PMR) 2025 Perak melabuhkan tirainya setelah berlangsung selama tiga (3) hari bermula 13 – 15 Jun 2025. Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri bertempat di Waterfront Lumut, Perak.

Reruai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah mencatatkan bilangan pengunjung yang tinggi di mana melebihi 4,100 orang sepanjang tiga (3) hari program berlangsung dengan pelbagai perkhidmatan kaunter dan aktiviti disediakan buat para pengunjung yang hadir ke reruai KPDN.

Pengisian slot di pentas utama pada hari kedua program oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dengan dua sesi *Pocket Talk* yang informatif dan interaktif. Sesi pertama bertajuk "Portal Ihsan MADANI" telah disampaikan oleh Encik Muhammad Nami Ahmad daripada Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dan sesi kedua pula bertajuk "Aplikasi Price Catcher" telah dikendalikan oleh Puan Fazherawati Nordin dan Puan Sharizan Mohd Shafiee dari Bahagian Harga Barang Negara (BHB).

Pelbagai aktiviti kuiz bahagian dan Kahoot Mega telah dilaksanakan di reruai KPDN dan penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh YBrs. En. Mohd Zaid Idris, Pengarah Bahagian Gerakan Kepenggunaan KPDN.

Pengunjung juga tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan barang keperluan harian di Program Jualan RAHMAH MADANI di mana pelbagai barang keperluan harian ditawarkan dengan pengurangan harga bermula 10% hingga 30% dan inisiatif ini membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat.

YB Senator Dr. Hajah Fuziah Saleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup bersama-sama YBhg. Dato' Hj. Amran Hj. Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan) meluangkan masa turun padang mengadakan sesi walkabout ke reruai KPDN dan Program Jualan RAHMAH MADANI pada hari terakhir Program MADANI Rakyat 2025 Perak.



## SOROTAN LENSA KPDN SEKITAR PMR 2025 PERAK



**PROGRAM PENGUATKUASAAN DAN ADVOKASI  
KEPENGGUNAAN YB TIMBALAN MENTERI  
BERSAMA KPDN NEGERI JOHOR 2025**



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui KPDN Negeri Johor telah menganjurkan satu sesi libat urus melibatkan pemain industri terdiri daripada syarikat Petroleum, persatuan peniaga, pemborong LPG, pengusaha restoran dan pengusaha dobi bersama YB Senator Datuk Dr. Hajah Fuziah Saleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup pada 19 Jun 2025 bertempat di Hotel Trove, Johor Bahru, Johor.

Penganjuran sesi libat urus ini bertujuan untuk mengumpul dapatan syor dan pandangan daripada pelbagai pemegang taruh berkaitan syor pelaksanaan pindaan ke atas PPKB (pindaan) 2021 yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Jun 2025.

Dapatan syor dan pandangan melalui sesi libat urus ini akan dikumpul dan dibawa dalam bentuk syor ke mesyuarat kabinet bagi memuktamadkan pindaan ke atas Peraturan - Peraturan Kawalan Bekalan (pindaan 2021) yang mana memberi manfaat kepada para pemain industri dan pengguna tanpa menjelaskan kos sara hidup rakyat.






KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARAS HIDUP

INISIATIF KPDN  
KOS SARAS HIDUP

## JOM BANDING HARGA DI



## MEMAPARKAN HARGA HARIAN 480 BARANGAN TERPILIH DI

- Pasar Raya Besar
- Pasar Raya
- Pasar Basah
- Pasar Mini
- Kedai Runcit



## KATEGORI BARANGAN

- Barangan segar
- Barangan kering
- Barangan berbungkus
- Produk bayi
- Produk kebersihan
- Minuman

## KELEBIHAN APLIKASI

- Carian harga berpandukan lokasi
- Penunjuk arah ke lokasi premis pilihan
- Perkongsian harga oleh pengguna
- Promosi & katalog pasar raya
- Platform pantas saluran aduan pengguna
- Informasi terkini hal ehwal pengguna
- Info terkini harga bahan api mingguan

Muat turun percuma aplikasi PriceCatcher di telefon bimbit:



## JELAJAH KARNIVAL KPDN 2025 ZON SELATAN & KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA (KBBM)

Program Jelajah Karnival KPDN 2025 Zon Selatan membuka tirainya di negeri Johor yang menjadi negeri pertama dalam siri jelajah ini di seluruh negara. Program ini menjadi satu platform dengan pelbagai pengisian yang menarik dan berinfomatif melalui kerjasama strategik pelbagai jabatan dan agensi, syarikat berkaitan kerajaan, NGO, pihak swasta dan sebagainya. Majlis Perasmian Program Jelajah Karnival KPDN 2025 & Kempen Beli Barang Malaysia Zon Selatan telah disempurnakan secara Bersama oleh YAB Dato' Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor dan YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.


Pelbagai pengisian dan aktiviti disediakan buat para pengunjung yang hadir sepanjang karnival berlangsung antaranya sesi Pocket Talk pelbagai topik di bawah KPDN, Kuiz Kahoot!! persempahan kebudayaan, Sembang Santai Influencer, Persembahan Buskers dan banyak lagi. Di Pavillion Kos Sara Hidup, pengunjung boleh mendapatkan pelbagai perkhidmatan di bawah bumbung KPDN seperti Khidmat Nasihat, Advokasi Kepenggunaan, Pendaftaran perniagaan serta pelbagai perkhidmatan lain.

Pengunjung turut tidak melepaskan peluang mengunjungi khemah Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) untuk medapatkan barang keperluan harian dengan penawaran harga bermula 10% hingga 30% daripada harga pasaran seperti beras, minyak, telur, tepung dan pelbagai lagi barang keperluan harian yang lain.

Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) 2025 yang bertemakan "Jom Beli Lokal" bertujuan memperkuuh sokongan terhadap produk tempatan. Melalui pendekatan ini, KPDN komited untuk memperkasakan jaringan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta meningkatkan daya saing produk tempatan di pasaran terbuka, sekaligus membuka lebih banyak peluang pekerjaan sekaligus menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Karnival ini membuktikan keupayaan kerajaan MADANI melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam menganjurkan program berimpak tinggi yang menggabungkan elemen interaktif, pendidikan pengguna, keusahawanan dan hiburan dalam satu platform terbuka untuk rakyat.

Program Jelajah Karnival KPDN 2025 Zon Selatan melabuhkan tirainya pada 30 Jun 2025 setelah berlangsung selama tiga (3) hari bermula 27 sehingga 29 Jun 2025. Siri jelajah yang telah memasuki tahun kedua ini akan diteruskan ke lima (5) zon lain iaitu Zon Utara (Kedah), Zon Timur (Pahang), Zon Tengah (Selangor), Zon Sabah dan Zon Sarawak.





## SOROTAN LENSA SEKITAR JELAJAH KARNIVAL KPDN 2025 ZON SELATAN & KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA





## INISIATIF REDI PERLUAS AKSES CASHLESS SOCIETY KE KOMUNITI LUAR BANDAR



Kembara ReDI 2025 memulakan perjalanan perfamanya apabila negeri Sarawak menjadi lokasi permulaan di mana kembara ini akan melintasi laluan Pan Borneo sepanjang 2,251 kilometer dan mengambil masa 10 hari bermula 26 Jun 2025 daripada Semporna, Sarawak dan dijadualkan akan berakhir pada 5 Julai 2025 di destinasi terakhir Tawau, Sabah.

YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup meluangkan masa turun padang bagi menyempurnakan Majlis Flag-Off Program Kembara ReDI Peringkat Zon Sabah dan Pelancaran Mural ReDI Pertama di Borneo pada 1 Julai 2025 bertempat di Pasar Am, Papar.



Penganjuran Program Kembara ReDI Borneo 2025 merupakan langkah proaktif KPDN dalam usaha memberi pendedahan kepada peniaga luar bandar mengenai pengoperasian perniagaan berkONSEP digital sekaligus memperkasakan sektor peruncitan tempatan. Objektif pelaksanaan ReDI adalah bertujuan memperkenalkan kaedah pembayaran berdasarkan digital melalui platform e-Wallet dalam kalangan peniaga yang berada di kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman.





# KAMI BERTINDAK!



## 1 AKTIVITI PENGUATKUASAAN KPDN NEGERI PERAK

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri Perak telah menjalankan pemeriksaan tanda harga, pemeriksaan alat timbang dan pemeriksaan penentuan harga maksimum bagi barang kawalan iaitu telur ayam serta minyak masak paket bersubsidi oleh sepasukan anggota Penguatkuasa KPDN Cawangan Kuala Kangsar pada 23 Mei 2025 bertempat di Pasar pagi Manong dan premis di kawasan sekitarnya.

Hasil pemeriksaan mendapati stok bekalan telur ayam dan minyak masak mencukupi untuk penduduk setempat. Lesen Runcit (CSA) masih dalam tempoh sah. Tiada berlaku unsur menyorok minyak masak.

Turut dilakukan pemeriksaan Ops Gasak 2025 di mana hasil pemeriksaan, peruncit mempunyai lesen CSA menjual LPG yang masih sah dan restoran dinasihatkan untuk menggunakan LPG industri.

Peniaga juga adalah diingatkan untuk sentiasa mengamalkan etika perniagaan yang baik. Tindakan tegas akan dikenakan kepada mana-mana peniaga yang gagal mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan.




# KAMI BERTINDAK!



## 2 AKTIVITI PENGUATKUASAAN KPDN CAWANGAN BERA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Pahang melalui Bahagian Penguatkuasa KPDN Cawangan Bera telah menjalankan aktiviti penguatkuasaan merangkumi Pemeriksaan Tanda Harga, Pemeriksaan Alat Timbang dan Sukat, Ops Tiris, Pemeriksaan Am dan Undang-undang di bawah akta-akta berkaitan yang telah dijalankan di sekitar Kg Selatan Kerayong, Bandar Bera, Pahang pada 4 Jun 2025.

Pemeriksaan dan pemantauan berkala secara efektif terus dilakukan ke atas semua sektor bagi memastikan bekalan barang keperluan asas sentiasa mencukupi dan para peniaga sentiasa mematuhi akta-akta yang telah dikuatkuasa oleh KPDN.





## SOROTAN LENSA





# KPDN





## SOROTAN LENSA





## KPDN





# SKIM HARGA MAKSUMUM MUSIM PERAYAAN

Hari Gawai dan Kaamatan



SKIM HARGA MAKSUMUM MUSIM PERAYAAN  
PESTA KAAMATAN 2025  
JUSSA SINGKAWANG BORONG DAN RUNCIT DAPAT DENGAN HARGA  
TERGAMAL.  
DAN KEMERIAHAN PENUH TERNAK, TELUR, TIRAM, KALABASA,  
PULPANG, LAMPU DATO DAN LUPU

TEMPAT KELAYAKAN :

27 MEI 2025 HINGGA 02 JUN 2025 (7 HARI)

Ran No	Barangan / Goods	Unit	Harga / Price (RM)		
			Ladang Farm	Borong / Wholesale	Runcit / Retail
1	KEPAP AIRAM	1 kg	-	14.50	15.50
2	DAGING KERBAU (IMPORT (INDIA) (Kacau Belahan Butang Khasung))	1 kg	-	19.00	21.00
3	CILI KERING KERTING	1 kg	-	17.00	19.00
4	BAWANG MERAH KGCL (INDIA)	1 kg	-	5.00	6.00
5	BAWANG PUTIH (CHINA)	1 kg	-	8.00	9.50
6	BAWANG KUNING KERAS IMPORT	1 kg	-	3.00	4.00
7	BAWANG MERAH BERAK IMPORT	1 kg	-	3.50	4.50
8	ABDI HISUP (Perengat Ladang)	1 kg	16.50	-	-
9	DAGING BABI (PERUT)	1 kg	-	34.50	36.50
10	DAGING BABI (DAGING DAN LEMAK)	1 kg	-	29.50	30.50

PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
LAWATAN SARA HIDUP KOTA KINABALU, SABAH

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

NO. 13, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2, 62623  
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

TERBITAN:

